

BERITA ONLINE

UTUSAN MALAYSIA

03 JANUARI 2023 (SELASA)

PEMIKIRAN BAHARU
**Utusan
Malaysia**

Jabil sedia depanni peralihan IR4.0



Oleh MEDIA MULIA 3 Januari 2023, 9:05 am

Jabil ialah penyedia penyelesaian pembuatan global dengan perkhidmatan komprehensif kepada syarikat elektronik dan teknologi dalam pelbagai industri. Operasi syarikatnya di

Malaysia bermula pada 1995 di Bayan Lepas, yang juga merupakan tapak pertama Jabil di rantau Asia Pasifik.

Nama syarikat ini mungkin tidak menjadi sebutan ramai namun pelanggannya termasuk 450 jenama besar dunia dalam bidang penjagaan kesihatan, pengkomputeran dan penyimpanan, rangkaian, optik, perkakas rumah, peralatan modal, pertahanan dan aeroangkasa dan banyak lagi.

Ikuti temu bual melalui e-mel bersama **Pengarah Urusan, Jabil Penang, SJ Tan** mengenai hala tuju syarikat dalam peralihan pantas ke arah Revolusi Industri (IR4.0) negara.

UTUSAN: Ceritakan serba-sedikit mengenai latar belakang Jabil.

SJ TAN: Kami mempunyai lapan buah kemudahan di Pulau Pinang dan dua di Kedah (Kulim, Sungai Petani). Operasi kami disokong oleh pasukan seramai 1,000 tenaga kerja yang kukuh di pejabat perkhidmatan bersama kami Pusat Perniagaan Global (GBC) di Bayan Baru, Pulau Pinang.

Walaupun kami sebuah syarikat besar, kami bukan jenama sebutan ramai. Ini disebabkan oleh kebanyakan produk yang kami buat adalah untuk pelanggan kami. Pelanggan kami termasuk 450 jenama terbesar dunia, kebanyakan daripadanya beroperasi di Malaysia.

Kepakaran kami adalah dalam pengalaman pengguna, keupayaan teknikal dan reka bentuk, pengetahuan pembuatan, cerapan rantaian bekalan dan pengurusan produk global, yang diusahakan secara global oleh lebih 260,000 pekerja, di lebih 100 tapak di 30 negara. Di Malaysia, bilangan tenaga kerja kami dianggarkan sebanyak 15,000 orang.

Apakah cabaran yang mungkin perlu ditangani untuk peningkatan penggunaan teknologi digital dalam bidang pembuatan di Malaysia?

Pendigitalan kilang secara amnya adalah tentang mewujudkan ekosistem yang matang untuk pembuatan masa depan, termasuk keupayaan automasi termaju bagi pertukaran maklumat dan data yang pantas, sistem fizikal siber, Internet Pelbagai Benda (IPB) dan pengkomputeran awan.

Beberapa cabaran biasa untuk meningkatkan penggunaan teknologi digital dalam bidang pembuatan termasuk:

- Pelaburan modal: Tahap kos yang berbeza-beza daripada penderia IPB yang digunakan pada mesin sedia ada, kepada pembelian jentera besar dengan penyelesaian IR4.0 bersepadu, kepada penyesuaian infrastruktur seluruh perusahaan, terutamanya dalam projek berskala besar.
- Pengurusan perubahan yang berkesan – Sebenarnya, tanpa disedari, IR4.0 mengubah cara kita melakukan sesuatu apabila kita menggabungkan ciri fizikal dan digital. Strategi mesti disertakan dengan struktur sokongan untuk pekerja, memperkasakan mereka dengan alatan dan kemahiran yang betul, sekali gus mewujudkan budaya yang matang untuk peralihan kepada IR4.0.
- Jurang kemahiran teknikal – Didorong oleh pendigitalan, peranan dan jangkaan tenaga kerja di dalam dan di luar kawasan pengeluaran yang semakin berkembang.
- Pertumbuhan Data, Kepekaan dan Keselamatan – Sistem fizikal dan digital di kilang pintar membolehkan kesalingoperasian masa nyata. Walaupun jumlah data yang besar dijana, cabaran kekal dalam kualiti dan pengurusan data untuk membuat keputusan, pertimbangan tentang data dan sebagainya.

Apakah peluang yang boleh direbut oleh pemain industri tempatan semasa kita melangkah ke era IR4.0?

Kita sebenarnya bukan lagi bergerak menuju tetapi kita telah pun berada dan hidup dalam era IR4.0. Terdapat anjakan seismik dengan penumpuan teknologi pada keseluruhan operasi, teknologi maklumat (IT) dan rangkaian bekalan, mewujudkan persekitaran yang dipacu oleh data yang membolehkan kami menyampaikan masa depan bidang pembuatan di Jabil dengan peluang untuk peningkatan produktiviti melalui

pengoptimuman dan automasi dengan data masa nyata untuk rantai bekalan masa nyata dalam ekonomi masa nyata.

Dengan memanfaatkan keupayaan pengurusan rantai bekalan, kami dapat menyampaikan produk dan perkhidmatan ke pasaran dengan lebih pantas, dan menjadi lebih cekap kos, dengan peningkatan ketangkasan keseluruhan untuk memacu daya saing pelanggan.

Selain itu, data analisis dan telemetri membantu kami mengoptimumkan operasi lantai kilang, mengurangkan masa henti dan pembaziran, mewujudkan keadaan kerja yang lebih baik dan juga menyampaikan metrik keselamatan.

Dengan peralihan pantas ke arah IR4.0, adakah Malaysia atau tenaga kerja ASEAN bersedia menghadapi gangguan yang dibawa oleh pendigitalan dan automasi?

Usaha kerajaan untuk menangani jurang bakat dan kemahiran seperti NECT-Gen-Industry 4.0 dan TVET 4.0 patut dipuji. Sekali lagi, wabak yang melanda telah mengajar kita satu atau dua perkara.

Kesesuaian dan daya tahan tenaga kerja mempengaruhi keselamatan dan hasil perniagaan, dan bagi pengilang, ini berkaitan dengan menggabungkan strategi penggajian bakat yang berkisar terhadap kemahiran, peningkatan kemahiran, keupayaan untuk menangani persaraan pekerja pembuatan berpengalaman (tenaga kerja yang semakin tua) dan mengubah sifat pekerjaan (peranan) dengan pendigitalan kilang.

Saya juga berpendapat bahawa terdapat keperluan untuk menetapkan semula persepsi industri pembuatan — pekerja yang lebih muda mempunyai tanggapan dan pemahaman yang berbeza tentang kerjaya dalam bidang pembuatan — ramai yang tidak menyedari bahawa industri itu semakin berteknologi tinggi, menyediakan kemahiran yang sangat maju dan boleh dipindahkan.

Bagaimanakah industri pembuatan boleh bersedia untuk tempat kerja masa hadapan dan menyediakan tenaga kerjanya untuk bekerja bersama robot dan teknologi termaju?

Kita perlu menerima persekitaran kerja yang dijangka akan menggabungkan teknologi canggih dan kemahiran digital dengan kemahiran manusia yang unik, bagi menghasilkan tahap produktiviti tertinggi. Kebangkitan teknologi canggih menggantikan banyak tugas manual atau berulang yang wujud dalam banyak pekerjaan, ia membuka ruang untuk kemahiran yang unik dan pada asasnya manusia, atau dipanggil “kemahiran insaniah”, termasuk pemikiran kritis, pengurusan insan, kreativiti dan komunikasi yang berkesan. Syarikat memerlukan pekerja yang boleh mempamerkan kemahiran ini serta kemahiran digital untuk bekerja bersama robot dan teknologi.

Matlamat transformasi digital yang lebih luas bukan hanya untuk menghapuskan tugas dan mengurangkan kos, tetapi untuk mencipta nilai, tempat kerja yang lebih selamat dan kerja yang bermakna untuk orang ramai. Pemimpin industri perlu mempertimbangkan tentang keperluan insan dalam menyediakan tenaga kerja mereka, dengan memikirkan semula struktur kerja, latihan semula dan mengasah semula bakat, dan Menyusun semula organisasi untuk memanfaatkan teknologi dan mengubah perniagaannya.

Covid-19 mempercepatkan langkah ke arah pendigitalan, dan di Jabil, usaha di “Kilang Terhubung.” Bolehkah anda jelaskan konsep “kilang terhubung” dan apakah maksudnya kepada generasi baharu tenaga kerja?

Pada dasarnya, mewujudkan kilang terhubung adalah mengoptimumkan IR4, perindustrian IPB, teknologi termaju dan pendigitalan, disampaikan dalam persekitaran operasi yang boleh diramal dan seterusnya, meningkatkan sistem pengeluaran, rangkaian nilai pembuatan dan keselamatan tempat kerja. Dengan menghubungkan kilang, kami memanfaatkan analisis yang terhasil untuk mengukuhkan cadangan nilai pelanggan kami: sumber yang dioptimumkan dan kos operasi, pengalaman pelanggan yang lebih baik dan keterlihatan dalam proses pembuatan dan kualiti produk. Kecemerlangan operasi juga dapat disepadukan dalam cara kita melakukan sesuatu.

Pandemik telah mewujudkan komuniti kejuruteraan dan pemimpin operasi yang kini mempunyai pemahaman yang lebih mendalam tentang penyelesaian perusahaan moden, alat kerjasama dan keupayaan berasaskan awan. Ejen perubahan bermaklumat

ini bersedia untuk terus mengguna pakai teknologi disruptif bagi menyampaikan permintaan pasaran untuk meningkatkan kelajuan, ketangkasan dan responsif.

Dengan kemasukan lebih daripada 2.7 juta robot perindustrian yang digunakan di seluruh dunia, teknologi dan automasi mengubah profil kemahiran pekerjaan masa depan dengan ketara (Sumber: Forum Ekonomi Dunia). Daripada evolusi pengurus tapak biasa yang mahir dalam kejuruteraan proses dan pengurusan perubahan — kepada pekerja pengeluaran yang perlu mempunyai pengetahuan dalam disiplin pembuatan tradisional dan bidang kepakaran digital baharu, contohnya saintis data, pengawal robot, penanganan eksepsi, dsb., menjadikan generasi pelbagai bakat ini berbeza dengan keupayaan mereka memahami kedua-dua teknologi baharu dan landskap pembuatan.

Bagaimanakah pengilang boleh menginovasi pengurusan sumber manusia mereka untuk kekal berdaya tahan dan menjadi pembuat perubahan dalam landskap pekerjaan Malaysia?

Kami percaya bahawa sumber inovasi yang paling mantap ialah mereka yang bekerja secara langsung dengan teknologi dan proses baharu di dalam dan di luar kilang. Walaupun teknologi dikaitkan tentang melakukan lebih banyak dengan sedikit upaya, gabungan ini amat berkesan apabila kita menggandingkan teknologi dengan kebolehsuaian manusia untuk dilatih semula dan meningkatkan kemahiran tenaga kerja kita, supaya kita boleh meningkatkan manusia dan teknologi secara serentak untuk memacu industri pembuatan ke hadapan.

Kami telah mencapai banyak kejayaan dengan pendekatan pendigitalan yang mengutamakan pekerja. Membina kepelbagaian bakat, usaha Jabil dalam meningkatkan kemahiran pasukan pengeluaran, kami berjaya mendemokrasikan pengetahuan dan menyediakan akses yang lebih saksama kepada peluang pembangunan. Program pembangunan bakat khusus kami memberikan pendedahan di seluruh operasi melalui bimbingan, dan penempatan berdasarkan padanan kecekapan dan keperluan. Inisiatif sering direka dengan tujuan untuk mengekalkan atau memanfaatkan pengetahuan tersirat dalam organisasi.

Apakah kemahiran yang mesti ada di tempat kerja pada masa hadapan? Apakah laluan untuk latihan dan pendidikan bagi mewujudkan kemahiran ini?

Sebagai eksekutif kanan mengurus operasi yang mempunyai 15,000 orang pekerja, kemahiran yang saya rasa akan membezakan individu terutamanya dalam era digital dan pelbagai dalam tenaga kerja kita ialah pemikiran kritis, empati dan kerjasama, serta berfikir terbuka.

Penyelesaian kreatif datang daripada pelbagai sumber, dan apabila kami beroperasi dalam persekitaran berasaskan awan yang terhubung, satu kumpulan baharu dengan pemikiran yang terlibat dan bekerjasama akan terbentuk. Inovasi juga berlaku melalui empati dan keupayaan untuk berpaksikan insan dalam pendekatan penyelesaian masalah kami, dan apabila anda menggabungkan ini dengan minda yang berkembang, kami akan kekal upaya untuk menyesuaikan diri, membina kemahiran baharu dan mencabar status quo secara positif.

Melalui Program Kerjaya Awal kami, kerjasama sukarelawan-mentor dengan Penang International Science Fair (PISF) dan beberapa kerjasama berasaskan akademik lain, kami mengadakan kem latihan, bengkel berasaskan industri dan mengambil bahagian secara aktif dalam inisiatif alumni yang disediakan untuk golongan muda dan belia. Ini menggalakkan bukan sahaja pembangunan kemahiran STEM tetapi juga memberi mereka gambaran tentang pekerjaan masa depan dan perkara yang diperlukan untuk memanfaatkan peluang. Komitmen Jabil Malaysia untuk memahirkan bakat generasi akan datang juga menyaksikan ahli pasukan bekerjasama dengan TVET dan membina modul latihan tujuan khas supaya mereka dapat mengukuhkan kemahiran yang berkaitan dengan industri pembuatan.

Kami berasa gembira dengan usaha kerajaan yang diumumkan melalui Bajet 2023, yang menekankan peningkatan ketersambungan di seluruh institusi pendidikan di negara ini melalui projek Rangkaian Penyelidikan dan Pendidikan Malaysia (MYREN) dan Jalinan Digital Negara (JENDELA), menyediakan akses internet kepada pelajar bagi memastikan

pembelajaran yang tidak terganggu serta mengemudi lebih ramai ahli akademik dalam mengambil langkah untuk mengubah proses pembelajaran mereka dan menyediakan diri mereka dengan lebih baik untuk landskap pekerjaan masa hadapan. – UTUSAN